



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 9/1976**

*Nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri Mengenai  
Pelaksanaan Kanun Tanah Negara Dan Undang-Undang Tanah Yang Lain*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai perlunya pejabat ini diberitahu tentang nasihat yang di perolehi daripada Penasihat Undang-undang Negeri mengenai pentafsiran peruntukan – peruntukan Kanun Tanah negara dan undang-undang tanah yang lain dan cara-cara pelaksanaannya.

2. Adalah didapati bahawa Pemungut-pemungut Hasil Tanah telah memperolehi nasihat dari Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian mengenai pentafsiran Kanun Tanah Negara dan undang-undang tanah yang lain dan mengenai cara-cara pelaksanaannya. Bagi pihak Pengarah-pengarah Tanah dan Galian pula perkara-perkara ini telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri yang seterusnya memberikan nasihat-nasihat yang diperlukan.

3. Memandangkan kepada kedudukan dan tanggungjawab Penasihat Undang-undang Negeri, nasihat-nasihat yang diberinya itu terpaksa diterima dan dilaksanakan, tetapi untuk menjamin persamaan dalam sistem pelaksanaan Kanun Tanah Negara dan Undang-undang tanah yang lain di sebelas buah negeri di Semenanjung Malaysia, tiap-tiap Pemungut Hasil Tanah yang memperolehi nasihat dari Pengarah Tanah dan Galian mengenai mana-mana peruntukan dalam Kanun Tanah Negara atau undang-undang tanah yang lain adalah diminta menyampaikan satu salinan surat mengenainya ke pejabat ini dan apabila jawapan diterima menyampaikan pula satu salinan jawapan itu.

4. Jika Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian sendiri memperolehi nasihat dari Penasihat Undang-Undang Negeri dalam perkara-perkara berkaitan dengan Kanun Tanah Negara atau undang-undang tanah yang lain, satu salinan surat dan jawapannya hendaklah juga disampaikan ke pejabat ini untuk makluman.

5. Pengarah-pengarah Tanah dan Galian dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta supaya memenuhi kehendak-kehendak di perenggan 3 dan 4 di atas.

**DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,**  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

P.T. TM 252/6-31

Kuala Lumpur,  
Julai, 1976